

07/05/2003

Laporan kajian SAR hampir siap

KUALA LUMPUR: Laporan lengkap hasil kajian mengenai fungsi sekolah agama rakyat (SAR) dan isu pendidikan Islam, kini di peringkat akhir sebelum diserahkan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Jawatankuasa khas yang ditubuhkan bagi mengkaji isu itu, sudah selesai menjalankan kajian dan kini memerlukan sedikit masa lagi bagi menyiapkan laporan berkenaan.

Pengerusi jawatankuasa itu, Tan Sri Murad Mohamed Noor, berkata laporan itu akan dikemukakan kepada Perdana Menteri secepat mungkin.

"Jawatankuasa mengambil masa kira-kira tiga bulan untuk menyiapkan laporan itu, selepas menimbang memorandum dan pandangan pelbagai pihak. Terpulang kepada Perdana Menteri selaku pengerusi jawatankuasa induk perkara ini untuk mengumumkannya atau tidak," kata Murad, ketika dihubungi semalam.

Jawatankuasa itu ditubuhkan kerajaan akhir tahun lalu bagi mengkaji isu pendidikan Islam dan fungsi SAR, di samping mengenal pasti usaha untuk memperkukuhkan kedudukan sekolah kebangsaan (SK).

Murad, yang juga bekas Ketua Pengarah Pendidikan, berkata, segala pandangan dan maklum balas yang diterima diteliti secara terperinci, termasuk kesan pelaksanaannya, bagi memastikan pengisian dari segi pengajaran dan pembelajaran di SAR memanfaatkan pelajar.

Beliau berkata, pihaknya mendapat pandangan pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan dan parti pembangkang bagi memastikan laporan itu mengandungi input semua pihak.

Berita Harian difahamkan jawatankuasa itu, turut menerima salinan memorandum yang dihantar Pas kepada Majlis Raja-Raja berhubung isu SAR, yang antara lain mengandungi bantahan terhadap tindakan Kerajaan Pusat menghentikan bantuan perkapita kepada SAR.